

29 AUG 2000

MAHATHIR-BANK/I

PM GESA BANK MAIN PERANAN DLM PEMBANGUNAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia memerlukan bank-bank keusahawanan yang bukan sekadar berperanan sebagai pemberi pinjaman tetapi pakar dalam menguruskan risiko serta tidak gentar mengambil risiko.

Dalam ucaptamanya di Persidangan Bank-Bank Pusat di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia amat memerlukan bank-bank yang sedia menyalurkan bantuan pada bila-bila masa sahaja agar mereka boleh diharapkan sebagai rakan kongsi sebenar dalam pembangunan negara.

Dr Mahathir berkata beliau bimbang bank-bank Malaysia masih mewarisi budaya tidak menyalurkan bantuan ketika ia amat diperlukan.

"Mereka masih belum mampu lagi memainkan peranan dengan berkesan dalam memupuk pemulihan dan menggerakkan ke hadapan proses pembangunan."

Beliau berkata bank-bank harus memberi pinjaman secara berhemat kerana ia adalah perniagaan mereka dan mereka pasti memahaminya dengan lebih baik.

Bagaimanapun memberi pinjaman berasaskan cagaran bagi nilai sama atau tinggi bukan satu bukti berhemat tetapi kemahiran perbankan primitif di kalangan bank.

"Malahan selepas lima suku pertumbuhan KDNK yang positif, tiga suku terakhir berkembang dengan pesat, pemberian pinjaman bersih oleh sistem perbankan masih lagi tidak menentu, atau merosot, dengan aliran bekalan wang dan kecairan bank masih dipengaruhi oleh sektor luar", katanya.

Dr Mahathir berkata pemberian pinjaman bank sebaliknya menjadi penghalang kepada kemajuan ekonomi dan bukan menerajuinya.

Meskipun ekonomi berkembang pesat, beliau berkata pembiayaan modal bekerja sukar untuk diperolehi dan perniagaan-perniagaan kecil terus mengeluh dengan mengadu bank-bank sering "kelihatan" tetapi mereka jarang "mendapat jawapan" daripadanya.

Bagaimanapun, pada masa yang sama bank-bank ini terus memberikan kredit baru kepada syarikat-syarikat besar yang tidak begitu memerlukannya manakala syarikat-syarikat yang begitu memerlukan tidak diendahkan.

Pemberian pinjaman bercagar masih lagi menjadi satu kelaziman malahan bagi usahasama paling berdaya maju manakala projek-projek besar mempunyai sedikit harapan untuk dibiayai.

Bank-bank masih lagi tetap dengan pendirian berjaga-jaga yang melampau malahan bagi projek-projek dengan prospek cerah yang terlibat dalam ekonomi "baru" dan kebanyakan mereka tidak bersedia untuk meneroka cadangan jenis modal-teroka seperti inkubator, tambahnya.

Justeru, katanya, bank-bank kelihatan terlalu bimbang terhadap keuntungan mereka dan takut akan mengalami kerugian.

Perdana Menteri kemudiannya mengaitkan bagaimana gabenor pertama Bank Pusat, Tun Ismail Mohamed Ali melihat kehadiran kepada satu ketika di mana apabila bank-bank benar-benar memahami dan bersedia menerima peranan sebenar mereka dalam ekonomi.

Ia adalah ketika apabila bank-bank menjadi lebih proaktif dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai perantara profesional antara penyimpan dan pemberi pinjaman untuk membantu membangunkan negara.

-- BERNAMA

SHO KTC ZK MA